

PM arah baiki pentadbiran

Wan Sabariah Shikh Ali

KUALA LUMPUR: Menteri besar dan ketua menteri yang menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno semalam diminta meningkatkan kecekapan pentadbiran kerajaan negeri masing-masing untuk mengelakkan daripada dilanda kemelesetan ekonomi yang mula dirasakan oleh rakan perdagangan Malaysia.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Menteri Besar dan Ketua Menteri mesti memberi kepimpinan lebih berkesan supaya semua projek dapat dilaksanakan dengan lacin bagi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, kemelesetan ekonomi yang kini melanda rakan perdagangan utama Malaysia iaitu Amerika Syarikat, negara Eropah dan Jepun akan

memberi kesan buruk terhadap pertumbuhan ekonomi negara jika langkah segera tidak diambil untuk mengatasinya.

"Malaysia adalah sebuah negara yang bergantung kepada perdagangan. Kemelesetan ekonomi di kalangan rakan dagangan mungkin membawa kesan buruk kepada pertumbuhan ekonomi di negara ini.

"Dengan ini kita perlu merancang supaya pertumbuhan ekonomi di Malaysia meningkat seperti biasa. Satu daripada tumpuan ialah meningkatkan kecekapan pentadbiran kerajaan negeri bagi membolehkan semua projek dilaksanakan dengan cepat bagi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat MT, semalam.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata, ini ti-

dak bermakna keupayaan kepemimpinan kerajaan negeri memberikan sumbangan terhadap pertumbuhan ekonomi negara dipertikaikan.

"Memang kita tidak pernah berpuas hati dengan kecekapan sesiapa. Matlamat kita ialah sentiasa mahu meningkatkan kecekapan kerana apabila manusia berpendapat tidak ada lagi ruang yang boleh dipertingkatkan, dia akan ketinggalan di belakang," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, mesyuarat MT turut membincangkan tuntutan harta Umno yang diuruskan oleh Pemegang Amanah Raya.

Katanya, seramai 678,153 ahli Umno sudah membuat pengisytiharan statutori mengesahkan bahawa mereka adalah ahli lama Umno.

Jumlah itu sudah melebihi setengah daripada

jumlah ahli lama Umno, iaitu kira-kira 1.2 juta, yang membolehkan Umno membuat tuntutan terhadap hartanya.

Dr Mahathir berkata, kes itu akan dibawa ke mahkamah secepat mungkin bagi membolehkan Umno menguruskan sendiri hartanya.

"Masalah ini perlu diselesaikan secepat mungkin untuk membolehkan Umno membayar hutang dan membuat pelaburan.

"Nilai semasa harta Umno tidak dapat dipastikan dengan tepat kerana nilai harta meningkat mengikut masa, umpamanya bangunan ini nilainya sudah meningkat. Di samping itu hutang pun meningkat juga kerana faedah.

"Jumlah wang tunai Umno yang dipegang oleh Pemegang Amanah Raya melebihi \$200 juta," katanya.